

Pendapatan jual etak RM4,500

Etak salai Mek Jah Inillah yang 'nalk kapal terbang' kerana mendapat tempahan dari pelanggan di Lembah Klang.



Kumpulan penyelidik dari UMK melakukan penggambaran ketika Mek Jah memproses etak di rumahnya di Kok Keli.

Pembekal etak mampu sara hidup sekeluarga

cara tradisional iaitu disalai di atas bara sabut kelapa.

Etak Kak Jah 'naik kapal terbang'

Penangan 'air tangan' orang lama ini tersohor apabila Sinar Harian sebelum ini pernah melaporkan Etak Kak Jah Naik Kapal Terbang.

Apa tidaknya, disebabkan itu, ada yang sanggup datang dari jauh untuk membeli etak di Kok Keli dan membawa balik ke ibu negara dengan menaiki kapal terbang terutamanya musim cuti sekolah.

"Hanya orang Kelantan yang tahu cara makan etak salai ini, kulit etak perlu dibuka dengan gigi, seminggu tak makan dah ada yang rasa kemaruknya."

"Sedap dimakan begitu saja atau dimakan dengan nasi kerabu," dakkannya hanya orang Kelantan yang tahu 'kekoh' (gigit untuk buka) etak," katanya.

Kak Jah yang lebih suka memilih cara menyalai daripada menjemur etak di bawah Cahaya Matahari itu juga memberitahu dia mendapat bekalan dari Terengganu dan Thailand.

Sementara itu, berdasarkan perkongsian maklumat kumpulan pengkaji UMK, Mek Jah membeli etak mentah dengan harga RM8 se-kilogram dan jualan hariannya juga agak lumayan sehingga mencapai RM50 hingga RM150 sehari untuk dua jam bekerja bermula jam 11 pagi hingga 1 petang.

Sorang pembekal etak tersohor di Kelantan dan sudah lama berge-lumang dengan perniagaan etak adalah Mek Jah Sulaiman, 65, dari Kampung Kok Keli, Tumpat.

Warga emas yang gigih itu sudah mengusahakan perniagaan etak itu sejak 35 tahun lalu.

Jelasnya, setelah ditolak dengan upah pekerja dan kos lain, boleh dikatakan hasil pendapatan bulanannya agak lumayan iaitu kira-kira RM4,500 sebulan.

"Alhamdulillah, jangan dipandang rendah kepada peniaga etak."

"Bagi yang masih menganggur lebih baik cuba jual etak sebab pendapatannya lumayan," katanya Mek Jah ketika ditemui Sinar Harian di gerai menjual etaknya.

Mek Jah juga memberitahu, dengan hasil titik peluh bersama suaminya, Hussein Ali, menjadi pembekal etak, dia mampu membesar 10 anak dengan sempurna.

Bagaimanapun, selepas suaminya meninggal dunia 19 tahun lalu, Mek Jah kini dibantu dua anaknya, Mohd Khalid Husien, 26, dan Saiful Azmi Husien, 33 serta dibantu menantunya memproses etak sewalam jam 7 pagi di bangsal berdekatan rumahnya.

Mek Jah atau mesra dipanggil Kak Jah berkata, biasanya setiap hari sebanyak 50 kilogram etak diproses dengan

Kesukaran dapatkan bekalan mempengaruhi kenaikan harga etak

SEMENTARA itu, seorang pembekal lain, juga dari Tumpat, Asnah Mamat, 43, memberitahu dia sudah 21 tahun berkecimpung dalam urus jual beli etak ini yang diwarisi daripada arwah ibunya, Azizah Harun.

Ibu kepada enam anak itu berkata, dia selalunya memperoleh bekalan etak dari Pahang dan juga Thailand.

Bagaimana untuk tempoh beberapa minggu ini agak sukar untuk mendapatkannya.

"Untuk dua tiga minggu ini bekalan agak payah, tidak tahu lah apa sebabnya. Sebab itu lah harga pun mahal sikit saya jual daripada biasa."

"Biarpun mahal tapi permintaan tetap hangat. Tak putus-putus penjual minta," katanya.

Asnah membe-

ritahu jika dibandingkan dengan sebelumnya ini, harga etak tidak sampai ratusan tetapi semenjak beberapa tahun ini untuk etak mentah sahaja berharga RM200 untuk 25 kilogram.

"Zaman dulu-dulu kita jual RM4 segantang tapi sekarang sangat mahal. Segantang sudah berharga RM24 ringgit. Nak kata kaya dengan jual etak ni, tak ada lah sangat."

"Tapi dengan jual etak ini lah saya dan suami sara anak-anak. Ada tempat tinggal. Adalah untungnya sebab etak ni sudah ada penggemarnya."

"Sampaikan kalau sehari tak makan tidak 'sedap' duduk. Boleh kata ketigih nak kecoh (gigit) etak," katanya yang menyelai sendiri etak dibekalkan kepada peniaga.

Katanya, selain menjadi pembekal, suaminya juga, Cik Sukirman Che Soh, 45, turut menjual etak salai bersama makanan ringan lain secara kecil-kecilan di Bandar Baharu Tumpat.



Zaman dulu-dulu kita jual RM4 segantang tapi sekarang sangat mahal. Segantang sudah berharga RM24 ringgit. Nak kata kaya dengan jual etak ni, tak ada lah sangat."

- Ashah